

TARIKH : 11 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 25

Subsidi bersasar bakal menguntungkan kumpulan B40

Subsidi bersasar bakal menguntungkan kumpulan B40

Usaha pastikan golongan layak dapat insentif, kurang kos kerajaan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Pelaksanaan mekanisme subsidi bersasar akan menguntungkan golongan sasaran termasuk B40 apabila mereka bakal menerima lebih banyak subsidi berbanding sekarang.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata kerajaan bukan mahu menghapuskan subsidi, sebaliknya mahu ia disasarkan kepada golongan yang lebih memerlukan.

"Kita perlu berhati-hati, melaksanakan subsidi bersasar ini bukan bermaksud kita mahu hapuskan subsidi, sebaliknya akan ada golongan yang sebenarnya lebih memerlukan dan akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan subsidi bersasar ini.

"Tetapi golongan yang tak sepatutnya dapat subsidi seperti saya dan (Timbalan Menteri Ekonomi) Datuk (Hanifah Taib), tak perlulah dapat subsidi. Sekarang ini, kamu pun dapat dan dalam banyak subsidi seperti petrol dan elektrik, yang banyak dapat (manfaatnya) adalah kami.

"Kerana itu, dari perspektif mengurangkan kos kerajaan semesta-mata, kita mahu memasti-



Rafizi bergambar bersama peserta pada Sesi Kick-off Dialog Strategik Bersama Menteri Ekonomi: Pemerkasaan Industri Untuk Memacu Pertumbuhan Ekonomi Dalam Era Revolusi Perindustrian Ke-4 di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

kan untuk mengalihkan supaya yang sepatutnya dapat, akan dapat lebih, ini akan memberi perspektif yang lebih tepat," katanya.

Belliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Sesi Kick-off Dialog Strategik Bersama Menteri Ekonomi: Pemerkasaan Industri Untuk Memacu Pertumbuhan Ekonomi Dalam Era Revolusi Perindustrian Ke-4 di Kuala Lumpur, semalam.

Rafizi berkata, setiap kali berlaku kenaikan harga barang, golongan sasaran akan lebih terkesan dibandingkan golongan T20 yang tidak begitu terasa kerana mempunyai pendapatan yang lebih besar.

"Kerana itu ia (subsidi bersasar) adalah serampang dua mata, ia bukan setakat untuk konsoli-

dasi fiskal kerajaan, tetapi memastikan kesaksamaan dengan memastikan sumber ini benar-benar sampai ke kumpulan yang sewajarnya menerima dan mereka yang wajar lebih dibantu dalam menangani kenaikan kos sara hidup sekarang," katanya.

Aktif semula PEMUDAH

Dalam pada itu, Rafizi berkata, berkata kerajaan akan mengaktifkan semula platform Pasukan Petugas Khas Memudahkan Perniagaan (PEMUDAH) bagi mengukuhkan komunikasi antara sektor awam dan swasta.

Katanya, Kementerian Ekonomi juga akan memberi tumpuan untuk menghapuskan birokrasi pentadbiran untuk pemain Revolusi Industri Ke-4 (IR4.0) supaya

mereka boleh merasai persekitaran yang lebih sihat untuk mengembangkan perniagaan.

"Kami berharap usaha ini akan menjadikan Malaysia destinasi dan pasaran yang lebih mesra perniagaan.

"Ini penting dari perspektif pelaburan kerana kemudahan menjalankan perniagaan juga menentukan daya saing kita," katanya.

PEMUDAH adalah inisiatif kerajaan yang ditubuhkan pada 2007 untuk memudahkan kerjasama sektor awam-swasta.

Ia bertujuan untuk meningkatkan peranan sektor swasta sebagai pemacu utama produktiviti dan pertumbuhan ekonomi, serta menjalin hubungan strategik yang kukuh dengan kerajaan.